

# UMS semai kepelbagaian dalam kepimpinan generasi muda

**UB 15.09.2023 P.05**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) berperanan menyemai kepelbagaian dalam kepimpinan kepada generasi muda yang menuntut komitmen untuk menerima perbezaan dan kemahiran.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Mohammad Yusof Apdal, berkata usaha itu penting kerana kecemerlangan bukanlah dilihat dari segi akademik sahaja.

"Kecemerlangan bakat penting dalam memimpin komuniti akademik yang menyokong kecemerlangan institusi.

"Sebagai pemimpin institusi pengajian tinggi (IPT), peranan penting kita untuk memupuk dan menyebarkan pemahaman tentang keperluan untuk menghormati kepelbagaian dan keterangkuman dalam kepimpinan kepada generasi muda.

"Kepelbagaian dan keterangkuman bukan sekadar kata kunci tetapi asas yang



**YUSOF**

membentuk masyarakat yang cergas dan progresif," katanya ketika berucap sempena Persidangan 'Empowering Diversity in Leadership: Navigating Complexities, Embracing Differences 2023' yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Yusof menekankan agar IPT memanfaatkan kuasa perpaduan dengan mengiktiraf dan menghargai perbezaan.

"Persidangan ini telah

dirangka dengan teliti bagi tujuan meneroka dimensi kepelbagaian dan memanfaatkannya sebagai pemangkin kepada perubahan positif dalam bidang pendidikan tinggi.

"Anjakan 2 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bertujuan memperkasakan komuniti akademik yang relevan, dirujuk dan dihormati di peringkat domestik dan antarabangsa," katanya.

Menurutnya, pelan itu turut memperkenalkan program pembangunan kapasiti profesional yang komprehensif bagi membolehkan para pemimpin di peringkat IPT dapat membawa universiti masing-masing ke arah meningkatkan keterlihatan di kawasan serantau dan global.

"Dengan memperjuangkan kepelbagaian, kita memperkasakan diri kita untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang mencerminkan kekayaan masyarakat dan dapat menyediakan pelajar untuk dunia yang berkembang maju dalam kebolehsuaian dan kecekapan silang budaya.

"Persidangan ini berfungsi sebagai mercu tanda untuk memupuk kepimpinan sedemikian, kerana ia menghimpunkan pelopor, cendekiawan dan pengamal yang telah menunjukkan kepintaran luar biasa dalam memupuk keterangkuman dan ekuiti," katanya.